

# Mahathir ulangi kritikan

Oleh SADATUL  
MAHIRAN ROSLI

## KUALA LUMPUR 23

Okt. - Tidak sampai 17 jam selepas pertemuan empat mata antara Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang diharap-harapkan merapatkan perbezaan politik antara mereka, bekas Perdana Menteri itu mengulangi kritikan terhadap Abdullah dan pentadbiran negara.

Semalam Dr. Mahathir dilaporkan berpuas hati dengan pertemuan di Sri Perdana, Putrajaya itu kerana dapat meluahkan apa yang terbuku dalam hatinya berhubung langkah-langkah kerajaan yang tidak disenanginya.

Tetapi hari ini, Dr. Mahathir ketika mengadakan sidang akhbar susulan di kediamannya di Seri Kembangan dekat sini berubah hati dengan terus memperhebatkan kritikkannya terhadap Perdana Menteri.

Malah, Dr. Mahathir turut membuat beberapa dakwaan baru, antaranya populariti kerajaan dalam kalangan masyarakat Cina telah berkurangan.

Katanya, keadaan ekonomi Malaysia yang merudum menjejaskan sokongan masyarakat Cina kepada parti yang memerintah dan ini bakal mempengaruhi prestasi Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum akan datang.

"Ekonomi negara bertambah teruk, saya tahu ramai ahli perniagaan kaum Cina tidak gembira dengan keadaan ini.

"Saya telah beritahu perkara ini kepada Abdullah bahawa ada (orang Cina) yang menyatakan mereka tidak akan mengundi BN pada pilihan raya akan datang, bahkan ada yang lebih suka men-

jalankan bisnes di China daripada di negara ini.

"Sekiranya keadaan ini berterusan, ia diramalkan mengurangkan kemenangan parti memerintah pada pilihan raya akan datang," katanya.

Pertemuan antara Perdana Men-

teri dan Dr. Mahathir di Sri Perdana semalam dibuat atas inisiatif beberapa pihak termasuk Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak) bagi meredakan ketegangan dalam hubungan mereka.

Menurut Dr. Mahathir, semenjak Abdullah memegang tampuk

## Dr. Mahathir turut menyangkal dakwaan bahawa betiau meletakkan jawatan dalam keadaan negara tidak ada wang

pemerintahan tiga tahun lalu, pengangguran semakin bertambah dan tiada tindakan dilakukan untuk membaiki ekonomi negara yang semakin lemah.

Pada pertemuan itu, Dr. Mahathir turut menyangkal dakwaan bahawa beliau meletakkan jawatan dalam keadaan negara tidak ada wang.

Katanya, sebelum memutuskan untuk meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri beliau telah memastikan kestabilan politik, populariti UMNO, ekonomi negara dan kewangan kerajaan berada dalam keadaan baik.

"Malah sepatutnya kerajaan sekarang mempunyai lebih banyak wang kerana pada masa saya menjadi Perdana Menteri, keuntungan Petronas hanyalah RM56 bilion setahun tetapi sekarang ia telah meningkat kepada RM88 bilion setahun. Ia lebih tinggi daripada perolehan hasil cukai pendapatan dan korporat iaitu hanya RM60 bilion," jelasnya.

Ditanya sama ada terdapat sebarang dokumen diserahkan kepada Abdullah semalam, Dr. Mahathir memberitahu, tidak ada dokumen yang diberikan kepada Perdana Menteri.

Pada sidang akhbar, Dr. Mahathir turut menyentuh mengenai isu pemiagaan Scomi Group Berhad dan ECM Libra yang mempunyai kaitan dengan anak Abdullah, Datuk Kamaludin Abdullah dan menantunya, Khairy Jamaluddin.

Bekas Perdana Menteri itu turut mendakwa Abdullah terlibat dalam program makanan untuk minyak di Iraq sebagai pihak

yang mendapat faedah daripada kontrak tersebut.

"Ia berlaku semasa Abdullah menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri.

"Sebagai seorang menteri Kabinet, beliau tidak seharusnya terlibat dalam penubuhan apa jua syarikat," dakwanya.

Beliau turut menyatakan kekesalan mengenai sekatan yang dikenakan ke atasnya untuk bercakap di khalayak ramai.

"Sekiranya ada pihak yang menjemput saya untuk bercakap, maka pihak itu akan dipanggil oleh polis dari diberi amaran supaya menarik kembali jemputan itu.

"Keadaan itu menunjukkan seolah-olah Malaysia berada dalam negara yang dikawal oleh polis," ujarnya.

Ditanya sama ada beliau akan berjumpa dengan Abdullah lagi, Dr. Mahathir berkata: "Kalau ada peluang nak jumpa, saya jumpa. Jika ada masalah saya pergi cakap dengan dia sahaja tapi orang lain tak tahu pun tak guna."

Beliau juga menjelaskan bahawa dalam pertemuan semalam, Abdullah telah mengambil beberapa nota.

Saya nampak dia ambil nota apa yang saya cakap, tebal juga. Namun saya turut beritahu Abdullah sekiranya ada sebarang benda yang tidak elok, saya akan terus tegur.

"Jika ada pihak yang memanggil saya, saya kena terangkan. Jika tidak saya akan menjadi tidak popular seperti mana yang dilaporkan dalam kajian beliau (Abdullah)," katanya.